



**KAJIAN TERHADAP TARIAN MONGIGOL SUMUNDAI DALAM ETNIK KAUM  
RUNGUS DI KOTA MARUDU, SABAH**

FYP FTKW




VIVILIN INOLUTING  
C18A0446

UNIVERSITI



MALAYSIA

**IJAZAH SARJANA MUDA PENGAJIAN WARISAN DENGAN KEPUJIAN**



KELANTAN

2021/2022



**UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN**

**KAJIAN TERHADAP TARIAN MONGIGOL SUMUNDAI DALAM ETNIK KAUM  
RUNGUS DI KOTA MARUDU, SABAH**

**DISEDIAKAN OLEH:  
VIVILIN INOLUTING  
NO. MATRIK: C18A0446**

Laporan Projek Akhir Ini Dikemukakan Sebagai Syarat Dalam Memenuhi Penganugerahan Ijazah


Sarjana Muda Pengajian Warisan Dengan Kepujian

**FAKULTI TEKNOLOGI KREATIF DAN WARISAN UNIVERSITI MALAYSIA  
KELANTAN**

2022


## PERAKUAN TESIS

Saya dengan ini mengesahkan bahawa kerja-kerja yang terkandung di dalam laporan ini adalah hasil penyelidikan asal dan tidak pernah dikemukakan untuk ijazah yang lebih tinggi kepada mana-mana Universiti lain atau institut.



AKSES TERBUKA

Saya bersetuju bahawa laporan saya akan dibuat segera sedia Salinan keras atau dalam talian akses terbuka (teks penuh)



SULIT

Mengandungi maklumat sulit di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972



TERHAD

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi dimana penyelidikan dijalankan

Saya mengakui bahawa Universiti Kelantan berhad seperti berikut.

1. Laporan ini adalah hak milik Universiti Kelantan.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak untuk membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan ini mempunyai hak untuk membuat salinan laporan untuk pertukaran akademik.

Disahkan oleh:

Tandatangan

Tandatangan Penyelia

TARIKH: 26/2/2022

NAMA:

SHAIPUDDIN B. MUHAMMAD  
Pensyarah

TARIKH:

Fakulti Teknologi Kreatif & Warisan  
Universiti Malaysia Kelantan, Kampus Bachok  
Beg Berkunci No. 1,  
16300 Bachok, Kelantan.

26/2/2022

## PENGHARGAAN

Terlebih dahulu, saya ingin mengucapkan syukur kepada Tuhan kerana dengan berkat daripadanya saya dapat menyelesaikan projek penyelidikan saya yang bertajuk “ Kajian Terhadap Tarian Mongigol Sumundai Dalam Etnik Kaum Rungus Di Kota Marudu, Sabah ” dalam masa yang ditetapkan dengan sempurna. Projek penyelidikan ini bertujuan untuk memenuhi keperluan pengijazahan dan untuk mendapatkan anugerah Ijazah Sarjana Muda Pengajian Warisan bagi tahun 2022.

Di sini saya mengambil kesempatan untuk merakamkan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada En.Shaipuddin Bin Muhamad selaku penyelia Projek Penyelidikan I dan II atas bimbingan dan nasihat yang diberikan untuk menyiapkannya kajian ini. Terima kasih kerana memberi tunjuk ajar dan tunjuk ajar kepada saya.

Seterusnya, jutaan terima kasih kepada informan iaitu En.Endry Gimpau Majadap, En.Aedry Jaskin dan Puan Rusiah yang sudi memberi kerjasama kepada saya untuk mengumpul maklumat dapatan kajian yang perlu dikumpul dengan mengadakan temubual bersama.

Akhir Sekali, terima kasih kepada keluarga tercinta terutama ibu dan bapa , Rosni Binti Marabut dan Inoluting Bin Masurud yang telah memberi sokongan dan bantuan dalam menyiapkan projek penyelidikan. Terima kasih juga kepada keluarga kerana memberi bantuan kewangan dalam menyiapkan penyelidikan ini. Terima kasih juga kepada rakan-rakan yang sudi membantu dalam memberi idea, nasihat serta dorongan untuk melaksanakan kajian ini.

## ISI KANDUNGAN

<b>Perkara</b>	<b>Halaman</b>
<b>PENAKUAN</b>	<b>i</b>
<b>PENGHARGAAN</b>	<b>ii</b>
<b>ISI KANDUNGAN</b>	<b>iii</b>
<b>SENARAI GAMBAR</b>	<b>viii</b>
<b>ABSTRAK</b>	<b>ix</b>
<b>ABSTRACK</b>	<b>x</b>
<b>BAB 1 PENGENALAN</b>	
1.0 Pengenalan	1
1.0.1 Latar Belakang	2
1.0 Permasalahan Kajian	3
1.1 Objektif Kajian	4
1.2 Persoalan Kajian	4
1.3 Skop Kajian	5
1.4 Definisi Istilah	6
1.5 Kepentingan Kajian	7
1.5.1 Individu	7
1.5.2 Masyarakat	7
1.5.3 Negara	8
1.6 Rumusan Bab	8

**BAB 2 SOROTAN KAJIAN**

2.0 Pengenalan	9
2.1 Asal Usul Tarian Mongigol Sumundai	10
2.2 Pergerakan ragam	10
2.3 Konsep	10
2.4 Rungus	11
2.5 Seni warisan	12
2.6 Teori	12
2.6.1 Grounded theory	13
2.6.2 Teori Etnografi	13
2.7 Kajian Lepas	14
2.8 Rumusan Bab	15

**BAB 3 METODOLOGI KAJIAN**

3.0 Pengenalan	16
3.1 Reka Bentuk Kajian	16
3.2 Responden atau Informan Kajian	17
3.3 Kaedah Pengumpulan	19
3.3.1 Kaedah Data Primer	19
3.3.2 Kaedah Data Sekunder	19
3.4 Instrumen Kajian	20
3.4.1 Kajian Kepustakaan	20

3.4.2 Temu Bual	20
3.4.3 Pemerhatian	21
3.4.4 Kajian Lapangan	22
3.4.5 Video rakaman informan	23
3.5 Rumusan Bab	23
<b>BAB 4 ANALISIS KAJIAN</b>	
4.0 Pengenalan	24
4.1 Asal usul tarian Mongigol Sumundai	24
4.2 Ragam pergerakan tarian Mongigol Sumundai	26
4.2.1 Pergerakan tarian Mongiggol	27
4.2.1.1 Mongoniu koniu	27
4.2.1.2 Mamahi pahi	29
4.2.1.3 Manazou sazou	30
4.2.1.4 Monindak balanak	30
4.2.1.5 Monondili	30
4.2.1. Mongimporoi	30
4.2.2 Pergerakan tarian Sumundai	31
4.2.2.1 Mamanbazangan	32
4.2.2.2 Manangga tangga	33
4.2.2.3 Manadu sadu	34
4.2.2.4 Mongitakita	34
4.2.2.5 Monondili	35

4.3 Konsep persembahan tarian Mongigol Sumundai	35
4.3.1 Majlis rasmi	36
4.3.1.1 Penari	36
4.3.1.2 Pemain muzik	36
4.3.1.3 Pakaian	37
4.3.1.4 Koreografi	37
4.3.1.5 Ruang persembahan	38
4.3.1.6 Waktu atau masa	38
4.3.2 Majlis tidak rasmi	38
4.3.2.1 Penari	38
4.3.2.2 Pemain muzik	39
4.3.2.3 Pakaian	39
4.3.2.4 Koreografi	40
4.3.2.5 Ruang persembahan	40
4.3.2.6 Waktu atau masa	41
4.4 Kesimpulan	41
<b>BAB 5 CABARAN, CADANGAN DAN KESIMPULAN</b>	
5.0 Pengenalan	43
5.1 Cabaran	44
5.2 Cadangan	44
5.2.1 Persatuan Momogun Rungus Sabah ( SAMORA )	44
5.2.2 Bekerjasama dengan Persatuan Momogun Rungus ( SAMORA )	46



untuk mengadakan kursus mempelajari tarian Mongigol Sumundai	
5.2.3 Cadangan untuk kajian selanjutnya	47
5.2 Kesimpulan	48
<b>BIBLIOGRAFI</b>	50
<b>LAMPIRAN A</b>	52



UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

## SENARAI GAMBAR

<b>Gambar</b>	<b>Tajuk</b>	<b>Halaman</b>
4.2	Gambar tarian Mongigol Sumundai	27
4.2.1.1	Gambar ragam pergerakan Mongoniu- koniu	28
4.2.1.2	Gambar ragam pergerakan Mamahi –pahi	29
4.2.1.6	Gambar ragam pergerakan Mongoniu- koniu	31
4.2.2.1	Gambar ragam pergerakan Mamanbazangan	32
4.2.2.2	Gambar menunjukkan badan dan tangan penari dicondongkan ketika membuat pergerakan Manangga tangga	33
4.2.2.3	Gambar menunjukkan pergerakan wanita membuat Manadusadu sambil mengikuti lelaki	34
4.2.2.5	Gambar menunjukkan lapis lantai yang berbentuk mengikut arah pusingan penari wanita ketika membuat pergerakan Monondili	35
4.3.2.3	Gambar persembahan tarian Mongigol Sumundai ketika majlis tidak rasmi dan pemakaian wanita memakai <i>Tapi</i> '.	35

### **Abstrak**

Tarian Mongigol Sumundai merupakan tarian tradisional etnik kaum Rungus yang kebanyakannya menduduki kawasan daerah Kudat, Matunggong, Kota Marudu, Pitas di negeri Sabah. Tarian ini dipersembahkan pada majlis keramaian, Pesta Kaamatan mahupun ritual tertentu. Kajian ini berfokus kepada asal usul tarian Mongigol Sumundai, ragam pergerakan dan konsep persembahan yang digunakan dalam persembahan tarian Mongigol Sumundai. Hasil analisis kajian ini mendapati bahawa tarian Mongigol Sumundai berasal daripada pahlawan yang pulang dari peperangan dan juga terdapat elemen peniruan aksi haiwan. Selain itu, ragam pergerakan yang dapat dijumpai adalah 11 jenis ragam pergerakan. Disamping itu, terdapat dua konsep persembahan yang digunakan dalam tarian Mongigol Sumundai. Kajian sebegini amatlah penting kepada masyarakat agar dapat mengenali dan memahami maksud pergerakan dan konsep persembahan dengan lebih jelas.

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN



### ***Abstract***

*Mongigol Sumundai dance is a traditional Rungus ethnic dance that mostly occupies the districts of Kudat, Matunggong, Kota Marudu, Pitas in Sabah. This dance is performed at ceremonies, Kaamatan Festival or certain rituals. This study focuses on the origins of Mongigol Sumundai dance, movement patterns and performance concepts used in Mongigol Sumundai dance performances. The results of the analysis of this study found that the Mongigol Sumundai dance is derived from heroes returning from war and there is also an element of imitation of animal stunts. In addition, the modes of movement that can be found are 11 types of modes of movement. In addition, there are two performance concepts used in the Mongigol Sumundai dance. Such a study is very important for the community to be able to recognize and understand the meaning of movement and the concept of performance more clearly.*

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

## **BAB 1**

### **PENGENALAN**

#### **1.0 Pengenalan**

Sabah memiliki pelbagai etnik dan suku kaum yang berbeza. Walaupun negeri ini kecil dan diduduki oleh pelbagai etnik, negeri ini masih menjadi tarikan yang sangat menarik bagi setiap masyarakat Malaysia. Kepelbagaian etnik ini menjadi suatu keistimewaan negeri kerana terdapat banyak budaya dan seni persembahan yang lahir daripada pelbagai etnik tersebut. Suku kaum Rungus merupakan salah satu etnik daripada tiga puluh satu etnik Sabah. Walaupun masyarakat mengetahui tentang adanya etnik bernama kaum Rungus ini, tetapi agak kurang yang mengetahui tentang budaya dan seni persembahan masyarakat Rungus. Kajian yang saya laksanakan merupakan kajian yang bertajuk Tarian Mongigol Sumundai Dalam Etnik Kaum Rungus di Kota Marudu, Sabah. Kajian ini dilaksanakan bertujuan untuk mengumpul maklumat mengenai masyarakat Rungus yang bertumpu kepada sejarah asal usul bagaimana tarian Mongigol

Sumundai ini terhasil dan jejak perkembangannya, menghuraikan jenis-jenis pergerakan yang terdapat dalam tarian ini serta cara menarikannya dan mengetahui konsep persembahan tarian ini. Asal usul tarian ini perlu diketahui agar kita dapat mengetahui teori sebenar yang penting sebelum tarian ini ditarikan. Kita perlu mengetahui tentang asal usul sebenar agar dapat mengetahui jika ia berkaitan dengan sebarang pemujaan atau tidak, bagaimana ia menjadi satu tarian dan asal dari daerah mana yang pertama menjadikan pergerakan tersebut sebagai tariannya. Seterusnya, menghuraikan jenis pergerakan yang menjadi asas dan melengkapkan ia menjadi suatu tarian. Konsep persembahan pula adalah bagaimanakah persembahan ini dilakukan pada masa-masa tertentu.

### **1.0.1 Latar belakang**

Etnik kaum Rungus merupakan salah satu kaum yang terdapat daripada pelbagai etnik kaum di Sabah. Kaum ini mendiami kawasan Kudat, Kota Marudu dan Pitas. Tarian etnik Rungus bernama Tarian Mongigol Sumundai. Tarian ini hanya boleh dijumpai di kawasan penempatan kaum Rungus. Tarian Mongigol Sumundai ini merujuk kepada dua jenis tarian berbeza iaitu tarian Mongigol tarian yang ditarikan oleh golongan lelaki dan Sumundai ditarikan oleh golongan wanita. Tarian ini dimainkan dengan serentak namun begitu dari segi jumlah penari adalah berbeza. Penari lelaki hanya satu dan wanita boleh terdiri daripada 2 hingga 4 dan lebih. Jika ia dimainkan dalam dua kumpulan, maka lelaki yang diperlukan adalah 2 dan penari wanita terdiri daripada 4 hingga 6 atau lebih. Lelaki didalam tarian ini berfungsi sebagai seorang ketua dan diikuti oleh wanita. Tarian ini kebiasaanya dimainkan oleh satu keluarga. Lelaki sebagai ketua rumah harus menari didepan manakala

wanita adalah terdiri daripada isteri dan anak-anak perempuan. Namun begitu, ia tidak terhad kepada yang berkeluarga sahaja. Ia bebas ditarikan namun ia memiliki konsep persembahan yang tertentu. Tarian Mongigol Sumundai ini merupakan tarian yang diambil inspirasi burung helang yang berterbangan ketika musim menuai dan ia jelas kelihatan jika melihat ragam pergerakan tarian mongigol dan sumundai. Walaubagaimanapun, informasi yang menyeluruh dan lebih mendalam berserta info yang sahih belum ditemui dan dijelaskan pada sumber-sumber data sekunder.

### **1.1 Permasalahan kajian**

Kajian ini telah dipilih oleh penyelidik setelah menjalankan sedikit pencarian informasi tentang tarian Mongigol Sumundai dan etnik kaum Rungus. Setelah melakukan carian, informasi tentang etnik Rungus itu sendiri adalah amat kurang apa lagi informasi tentang isi-isi penting dalam tarian Mongigol Sumundai.

Pertama sekali, masyarakat luar tidak mengenali tarian Mongigol Sumundai serta etnik kaum Rungus. Oleh kerana Sabah memiliki jumlah etnik yang banyak dan pelbagai etnik yang berbeza, wajarlah jika masyarakat tidak mengenali tarian dan etnik tersebut.

Seterusnya, masyarakat tidak mengetahui asal usul tarian Mongigol Sumundai. Setiap jenis tarian memiliki asal usul bagaimana tarian mereka tercipta sama ada daripada unsur peniruan aksi haiwan serta kehidupan atau memiliki tujuan lain seperti ingin menunjukkan ciri-ciri kesopanan atau keanggunan dan boleh juga ia tercipta atas tujuan memuja sesuatu roh atau dewa.

Disamping itu, masyarakat tidak mengetahui konsep persembahan sebenar tentang tarian Mongigol Sumundai. Konsep yang dimaksudkan adalah jenis

persembahan yang digunakan seperti pada majlis rasmi, majlis tidak rasmi dan mungkin persembahan khas untuk pemujaan. Dalam persembahan tersebut, penyelidik akan mencari jawapan dan menjelaskan perbezaan setiap persembahan tersebut dan menerangkan konsep persembahan tersebut.

Kesimpulannya, pendedahan masyarakat terhadap tarian Mongigol Sumundai dan etnik kaum Rungus sangat terhad dan kebanyakan masyarakat tidak mengenali langsung etnik tersebut apa lagi tentang tarian tradisional etnik tersebut. Atas dasar kekurangannya informasi dan ingin mengetahui dengan lanjut tentang tarian dan etnik Rungus, kajian ini diusulkan oleh penyelidik untuk mengumpul dan mendapatkan maklumat sahih serta memperkenalkan tarian ini kepada masyarakat.

## **1.2 Objektif kajian**

Kajian ini juga dilaksanakan bagi mencapai tiga objektif yang dipilih iaitu ;

1. Mengenalpasti asal usul tarian Mongigol Sumundai
2. Menghuraikan pergerakan tarian yang terdapat dalam tarian Mongigol Sumundai
3. Menganalisis konsep persembahan tarian Mongigol Sumundai

## **1.3 Persoalan kajian**

Kajian ini dilaksanakan bagi merungkai persoalan yang dikenalpasti ;

1. Apakah asal usul tarian Mongigol Sumundai ?
2. Apakah ragam pergerakan yang terdapat dalam tarian Mongigol Sumundai?
3. Bagaimanakah konsep persembahan tarian Mongigol Sumundai?



#### 1.4 Skop kajian

Kajian ini akan dijalankan di daerah Kota Marudu dan tertumpu kepada kampung di daerah Kota Marudu iaitu Kampung Kirangavan. Alasan saya memilih kampung-kampung tersebut adalah kerana dalam etnik kaum Rungus terdapat beberapa cabang Rungus atau sub-suku yang dibezakan dengan nama tempat. Didalam sejarah ada tercatat bahawa Rungus terbahagi kepada sub-suku seperti Rungus Kirangavan, Rungus Pilpazan, Rungus Gandahon, Rungus Gonsomon, Rungus Nulzuw dan Rungus Tupak atau Melobong yang mendiami di daerah Kudat, Kota Marudu dan Pitas. Manakala sub-suku Rungus yang mendiami di luar daerah adalah Rungus Piromitan dan Rungus Tindal-Sondot. Rungus Kirangavan yang tercatat dalam sejarah tersebut merujuk kepada Kampung Kirangavan. Oleh itu saya memilih Kampung Kirangavan untuk dijadikan tempat pelaksanaan kajian.

Seterusnya, kajian ini hanya tertumpu pada objektif seperti mengenalpasti asal usul tarian Mongigol Sumundai, menghuraikan ragam pergerakan dalam tarian Mongigol Sumundai dan menganalisis konsep persembahan tarian Mongigol Sumundai. Dalam menganalisis konsep persembahan tarian Mongigol Sumundai, saya akan berfokus pada konsep persembahan pada majlis keramaian dan pesta-pesta dari segi penari, keterbukaan, pemakaian dan penggunaan muzik. Manakala dalam melaksanakan objektif menghuraikan ragam pergerakan tarian, saya akan meneliti setiap pergerakan badan, tangan dan kaki. Setiap pergerakan tentunya memiliki namanya yang unik dalam bahasa Rungus dan pergerakan yang berbeza.

Dalam memilih reponden, saya akan fokus dan memilih responden daripada golongan tua dan pakar. Golongan tua merupakan orang yang mewariskan tradisi

itu kepada golongan muda merupakan orang yang serba tahu tentang tarian tersebut. Manakala golongan pakar adalah daripada orang yang mengajar anak-anak muda cara yang betul untuk menarikan tarian tersebut atau juga dikenali sebagai guru tarian dikampung tersebut yang juga bertanggungjawab untuk menyediakan penari pada hari-hari penting seperti majlis keramaian dan pesta-pesta.

### **1.5 Definisi istilah**

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat, tarian merupakan gerakan badan serta tangan dan kaki berirama mengikut rentak muzik. Tarian merupakan pergerakan yang dicipta berdasarkan rentak bunyi yang didengari oleh manusia sama ada dicipta oleh manusia atau bunyi alam semulajadi. Tarian ini dipta bagi mengekspresikan perasaan dan cara untuk berkomunikasi atau juga menyampaikan sesebuah cerita secara bukan lisan.

Dalam Glosari Leksikal Bahasa Sukuan dalam Bahasa Suku Kaum, Mongigol bermaksud tarian tradisional suku kaum Rungus dalam sesebuah pesta keramaian. Secara spesifiknya, Mongigol merupakan pergerakan tarian yang hanya ditarikan oleh golongan lelaki. Manakala tarian bagi golongan wanita atau perempuan adalah Sumundai. Tarian Mongigol ini tertumpu pada gerakan tangan dan lompatan kaki serta bunyi seruan lelaki. Manakala tarian Sumundai tertumpu pada gerakan tangan, gerakan kaki bergeser pada lantai serta pusingan badan yang dilakukan.

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat, Rungus merupakan suku kaum yang terdapat di wilayah Sabah dan termasuk dalam rumpun kaum Kadazan Dusun dan tinggal di Kudat. Walaupun pada awalnya kaum Rungus ini tinggal di Kudat,

namun kaum ini juga banyak menjelajah dan telah menyebar. Pada masa kini, Rungus bukan sahaja boleh dijumpai di daerah Kudat tetapi juga di daerah lain seperti Kota Marudu dan Pitas. Daerah-daerah tersebut merupakan kawasan utara Sabah.

## **1.6 Kepentingan kajian**

Setiap pelaksanaan kajian dan pemilihan tajuk sudah tentu memiliki kepentingan dan alasan yang kukuh untuk dilaksanakan. Tajuk yang telah saya pilih ini dipilih setelah saya menjalankan pencarian sumber maklumat tentang kaum Rungus dan saya dapati bahawa informasi tentang tarian ini sangat terhad dan tidak meluas. Kebanyakan informasi tentang tarian ini adalah hanya informasi daripada luaran sahaja dan tidak mendalam. Oleh itu, kajian tentang tarian Mongigol Sumundai ini perlu dijalankan untuk mengumpul lebih maklumat mengenai tarian tersebut.

### **1.6.1 Individu**

Kajian ini penting bagi setiap individu negara agar mereka dapat mengenali dan belajar tentang tarian Mongigol Sumundai kaum Rungus walaupun mereka bukanlah dari suku kaum Rungus. Kajian ini juga akan dapat dihargai jika diketahui oleh setiap individu di Malaysia.

### **1.6.2 Masyarakat**

Selain itu, masyarakat hanya mengetahui fakta luaran sahaja. Masyarakat hanya mampu melihat dan memahami bagaimana etnik kaum Rungus menarikan tarian tersebut namun begitu tidak tahu nama spesifik setiap pergerakan dan pergerakan yang betul. Bagi menarikan tarian ini, haruslah mempelajari setiap pergerakan

dengan teliti, ini kerana pergerakan tersebut nampak sangat mudah namun sebenarnya terdapat teknik dan konsep tertentu yang harus digunakan. Masyarakat juga menjadi berpengetahuan dan tidak akan buta ilmu tentang tarian suku kaum Rungus yang merupakan salah satu etnik di Malaysia.

### **1.6.3 Negara**

Disamping itu, setiap tarian etnik merupakan warisan yang dibanggakan oleh masyarakat Sabah dan tarian Mongigol Sumundai juga merupakan salah satu daripadanya. Warisan seperti ini harus dipelihara dan dipulihara. Sebelum proses pemeliharaan dan pemuliharaan berlaku, masyarakat haruslah mengenali dengan lebih mendalam tentang warisan tersebut. Tarian ini juga sering dipersembahkan bagi menyambut kedatangan pelancong atau tetamu khas ke negeri Sabah. Tarian Mongigol Sumundai ini mampu menjadi tarikan pelancong

### **1.7 Rumusan bab**

Kesimpulannya, kajian ini amat penting untuk dilaksanakan agar kita dapat mengenali dengan lebih dalam tentang tarian Mongigol Sumundai yang merupakan salah satu warisan kebanggaan negeri Sabah. Kajian ini juga juga mampu memberi peluang kepada masyarakat untuk mendapatkan informasi yang belum pernah didapati didalam internet atau 'google'. Saya berharap agar kajian ini dapat dilaksanakan dengan baik dan lancar agar dapat memberi bantuan kepada masyarakat dan kepada pelajaran serta pelaksanaan projek penyelidikan ini

## BAB 2

### SOROTON KAJIAN

#### 2.0 Pengenalan

Dalam bab ini akan membincangkan tentang kajian awal yang dilakukan sebelum melakukan kajian di lokasi kajian. Sorotan kajian adalah tentang pengumpulan informasi berkaitan kajian lepas yang telah dijalankan oleh penyelidik yang memiliki tajuk dan informasi tentang tarian Mongigol Sumundai. Pencarian maklumat daripada sorotan kajian adalah bertujuan untuk memberi penyelidik mendapatkan gambaran dan pengetahuan umum tentang tarian Mongigol Sumundai.

## 2.1 Asal usul Tarian Mongigol Sumundai

Asal usul tarian Mongigol Sumundai masih tidak dapat dijelaskan dengan terperinci namun apa yang saya dapati adalah pada umumnya tarian Mongigol Sumundai mempamerkan kegagahan seorang lelaki juga perlindungan yang diberikan oleh lelaki kepada wanita dan kelembutan serta sopan santun wanita (Pangayan V.B ;2020). Tarian Mongigol menunjukkan bahawa lelaki gagah sebagai seorang ketua rumah dan juga berani gagah sedia untuk pergi berperang bagi melindungi keluarga. Tarian Sumundai pula ditarikan bagi menunjukkan bahawa wanita ada dibelakang sentiasa menyokong lelaki dari belakang.

## 2.2 Pergerakan ragam

Pergerakan ragam merujuk kepada jenis gerak yang dihasilkan yang menyerupai sesuatu seperti ragam huruf, ragam pola, ragam meniru gaya haiwan dan sebagainya. Apa yang dikaji dalam pergerakan ragam dalam tarian Mongigol Sumundai adalah jenis-jenis pergerakan yang ada dan nama-nama spesifik atau gelaran pergerakan tersebut serta penjelasan mengenai cara pergerakan itu dilakukan. Menurut Pangayan V.B (2020), terdapat 12 jenis ragam pergerakan yang terdapat dalam tarian Mongigol Sumundai dan ragam tersebut dinilai dari Laban Eight Effort Movement untuk menjelaskan pergerakan tersebut

## 2.3 Konsep

Menurut Kamus Bahasa Melayu, konsep adalah suatu pengertian am mahupun idea yang mendasari sesuatu. Konsep juga boleh bermakna apakah sesuatu tersebut yang membawa makna dan mempunyai kepentingannya yang menjadikan ia satu konsep. Konsep yang bakal dikaji dalam penyelidikan ini

adalah konsep persembahan yang menjelaskan bagaimanakah cara persembahan ini dipersembahkan kepada khalayak mengikut jenis persembahannya. Sebagai contoh, konsep dalam persembahan tarian Mongigol Sumundai ketika majlis kenduri seperti perkahwinan ataupun konsep persembahan ketika upacara ritual. Menurut Pangayan V.B (2020), terdapat dua konsep yang digunakan dalam persembahan tarian Mongigol Sumundai kaum Rungus ini.

#### **2.4 Rungus**

Etnik Rungus merupakan salah satu etnik daripada puluhan etnik yang terdapat di Kepulauan Borneo dan juga merupakan penduduk tempatan Kepulauan Borneo yang terletak di bahagian utara wilayah Sabah. Etnik Rungus boleh dijumpai di kawasan utara Sabah iaitu di daerah Kudat, Kota Marudu, Pitas dan sebahagian di Sandakan (Appell, 1972; Porodong, 2012). Etnik Rungus juga dikenali sebagai Momogun Rungus atau Momogun yang bermaksud orang tanah sini atau orang tempatan ( Ong 1994;153 ). Perkataan ‘Rungus’ pula dipercayai datang daripada panggilan kepada nenek moyang kaum Rungus yang dipanggil sebagai Rungsud yang berhijrah menyebarkan kaum Rungus dari Nunuk Ragang ke persisiran pantai di daerah yang kini dikenali sebagai Kudat, Kota Marudu, Pitas, Beluran dan Telupid. Oleh kerana berlakunya penyebaran kaum Rungus di tempat-tempat yang berbeza di utara Sabah, terhasillah sub suku Rungus iaitu Rungus Kirangawan, Rungus Pilzapazan, Rungus Gandahon, Rungus Gonsomon, Rungus Nulzuw, Rungus Tupak, Rungus Piromitan dan Rungus Tindal – Sondot. Kajian penyelidikan yang dilaksanakan di Kampung Kirangawan, Kota Marudu adalah kerana Rungus Kirangawan yang dikenali itu bermula dikampung tersebut.

## 2.5 Seni warisan

Seni warisan adalah seni yang telah dijaga dan diturunkan kepada pewaris secara turun temurun oleh orang tua dahulu kala. Seni warisan terdapat dua bidang iaitu seni warisan tidak ketara dan warisan ketara. Seni yang sedang penyelidikan dijalankan adalah seni warisan tidak ketara.

Seni warisan ketara adalah warisan yang boleh dilihat dengan nyata dan dipegang tidak kira statik atau mudah alih. Warisan ketara merangkumi seni yang boleh dipegang seperti tapak warisan, monumen dan bangunan yang menjadi bukti sesuatu tempat bersejarah, batu persuratan atau alam semula jadi seperti hutan, gua, sungai, gunung dan sebagainya.

Seni warisan tidak ketara adalah seni yang berbentuk lisan atau yang diturunkan dengan cara mengajar kemahiran kepada generasi akan datang. Menurut Konvensyen untuk Melindungi Warisan Budaya Ketara, warisan tidak ketara meliputi seni budaya di sesuatu tempat atau etnik masyarakat, amalan, adat, ritual, acara perayaan, pengetahuan serta kemahiran. Peralatan, objek atau sesuatu artifak juga boleh tergolong dalam seni warisan tidak ketara.

Kesimpulannya, tarian Mongigol Sumundai merupakan seni warisan tidak ketara kerana ia merupakan tergolong dalam seni persembahan yang memerlukan pengajaran secara turun temurun untuk meneruskannya. Tarian Mongigol Sumundai juga bukanlah sesuatu yang boleh dipegang tetapi merupakan satu kemahiran.

## 2.6 Teori

Teori adalah sebuah pandangan yang terhasil hasil daripada buah pikiran seseorang tentang pandangan dan pendapatnya tentang sesuatu perkara dan



pendapat yang berilmu serta berilmiah. Teori itu menjelaskan sesuatu perkara yang umum dan benar. Menurut Marican S.(2005;49), teori adalah set pernyataan yang abstrak, nyata dan umum yang disokong oleh bukti atau hipotesis yang benar. Teori diperlukan untuk dijadikan panduan dalam melaksanakan kajian bagi merungkai permasalahan kajian. Teori juga digunakan bagi memahami konsep, pernyataan atau fakta dan membimbing penyelidik agar lebih jelas tentang sesuatu kenyataan.

### **2.6.1 Grounded theory**

*Grounded theory* ( GT ) adalah teori yang digunakan dalam kajian kualitatif iaitu melakukan pemerhatian kajian di kawasan lapangan. GT digunakan bagi memahami gejala atau fenomena sehingga data dikumpul. Penggunaan teori GT ini membolehkan penyelidik mengumpul maklumat daripada konseptualisme masyarakat setempat yang dijadikan subjek kajian. GT juga bersifat *open ended*, *local theory* dan *patterned theory* dan dapat diperluaskan tanpa batas. Jika menggunakan teori ini, penyelidik harus melibatkan diri dalam penyelidikan untuk memastikan hasil kajian adalah daripada masyarakat itu sendiri “*grounded*” ( Strauss & Corbin, 1990 ).

### **2.6.2 Teori etnografi**

Teori etnografi adalah teori yang dihasilkan dari penelitian lapangan secara mendalam yang dilakukan bagi merungkai tentang kebudayaan sesuatu tempat dengan teliti dan informasi yang tebal dan mutlak. Menurut Geertz 1973, menyatakan bahawa tujuan kajian etnografi adalah bagi mendapatkan dekskripsi yang mendalam terhadap pelbagai bidang kebudayaan yang

diterima secara pertuturan mahupun cara lain. Etnografi mengumpul maklumat berkaitan dengan kebudayaan kehidupan lokal serta mengaitkan dengan proses yang penyelidik kaji. Spradley 1997, mendefinisikan etnografi sebagai suatu sistem pengetahuan yang dipelajari dan mengintepretasi kehidupan dunia sekitarnya dan belajar serta mengaplikasikannya.

## 2.7 Kajian Lepas

Kajian lepas merujuk kepada kajian yang pernah dilakukan oleh pengkaji-pengkaji lain tentang tajuk atau subjek yang sama. Kata kunci yang digunakan oleh penyelidik untuk mencari kajian lepas adalah Rungus, Tarian Mongigol Sumundai, Tarian Rungus dan adat Rungus.

Menurut Pangayan V.B. (2020), dalam kajiannya tarian suku kaum Rungus iaitu tarian Mongigol Sumundai boleh dijumpai Kudat, Kota Marudu dan Pitas. Tarian ini biasanya ditarikan untuk majlis keramaian seperti perkahwinan, pesta kaamatan dan pesta monginakan. Tarian Mongigol Sumundai memiliki dua konsep persembahan yang memiliki fungsi yang berbeza dan ragam tarian Mongigol Sumundai terdiri daripada 12 jenis pergerakan. Dua konsep persembahan yang dinyatakan dalam hasil kajiannya ialah konsep dalam persembahan majlis tidak rasmi dan majlis tidak rasmi dimana ia menjelaskan tentang perbezaan yang terdapat dalam persembahan tarian Mongigol Sumundai dalam dari segi jumlah penari, pemain muzik, pakaian, koreografi, ruang persembahan dan jangka masa yang diambil dalam majlis tersebut serta implikasi. Tarian Mongigol Sumundai juga digolongkan dalam tarian imitasi iaitu tarian yang meniru sesuatu pergerakan atau objek yang berkaitan dengan persekitaran kehidupan masyarakat Momogun Rungus pada masa itu (Sachs, 1963).

Menurut Sukirman S.N (2020), asal usul tarian tradisional Sabah hanya terdiri daripada dua jenis asal usul iaitu ritual dan pergerakan binatang. Bagi penjelasan tentang ritual, ia bertujuan untuk penyembahan semangat padi, penyembuhan penyakit dan upacara-upacara tertentu. Manakala asal usul dari pergerakan binatang pula adalah haiwan seperti burung helang dan burung layang-layang.

Menurut Pugh-Kitingan J.(2014), keseimbangan antara dua dunia iaitu alam fizikal dan alam roh amatlah penting. Bacaan puisi atau *Rinait* oleh ketua agama tradisional untuk menjalankan upacara mengimbangi dua dunia ini diiringi dengan muzik, ensembl gong dan tarian adalah elemen utama dalam upacara ini. Tarian Mongigol Sumundai akan ditarikan pada masa tertentu upacara berlangsung dan ia merupakan perkara wajib.

## **2.8 Rumusan Bab**

Kesimpulannya, bab ini menjelaskan tentang kajian lepas yang dijalankan oleh penyelidik lain dan hasil kajian yang mereka jalankan serta teori yang digunakan juga definisi yang digunakan oleh penyelidik. Dalam bab kajian literature ini menjelaskan bahawa kajian kualitatif ini menggunakan teori etnografi dan grounded theory bagi menghuraikan objektif kajian manakala hasil kajian lepas menunjukkan bahawa tarian daripada Sabah terdiri daripada dua jenis pendekatan iaitu ritual ataupun peniruan aksi gerakan haiwan.

## BAB 3

### METODOLOGI KAJIAN

#### 3.0 Pengenalan

Pada topik ini akan menjelaskan mengenai metodologi yang digunakan sepanjang kajian dilaksanakan bagi mengumpul maklumat dan memproses hasil kajian. Metodologi kajian yang akan diterangkan adalah seperti reka bentuk kajian, responden kajian, instrument kajian, dan kaedah pengumpulan data kajian.

#### 3.1 Reka Bentuk Kajian

Kajian ini merupakan kajian berbentuk deskriptif iaitu menggunakan kaedah kualitatif iaitu mengkaji dari kesahan dan secara lisan daripada responden. Menurut Jasmi K. A (2012), data yang didapatkan melalui kaedah kualitatif

adalah dalam bentuk pemerhatian, temu bual dan analisis dokumen. Menurut (Patton 1990) kaedah kualitatif dijalankan dengan tiga jenis cara iaitu pelaksanaan kajian lapangan yang memerlukan pengkaji turun ke lapangan, kaedah pemerhatian iaitu dengan memerhati dengan mata sendiri, kaedah temu bual yang memerlukan pengkaji menemu bual responden dan kaedah kepustakaan untuk mencari informasi tentang tajuk dan maklumat tambahan atau kajian lepas. Menurut Taylor dan Bogdan 1984, kaedah kualitatif adalah berbentuk deksriptif, berupa kata-kata lisan atau tulisan yang dapat diamati dengan tingkah laku manusia. Dalam kajian ini, penyelidik akan turun ke lokasi kajian dan melaksanakan temu bual penduduk kampung yang pakar dalam hal tarian Mongigol Sumundai sambil membuat pemerhatian terhadap tarian tersebut lalu merekodkan segala yang terjadi pada hari kejadian.

Persampelan yang saya gunakan pula adalah persampelan bukan kebarangkalian dan teknik yang saya akan gunakan adalah teknik Sampling Snowball atau bebola salji untuk mendapatkan maklumat mengenai tarian Mongigol Sumundai. Teknik snowball memerlukan pengkaji untuk memilih satu responden kemudiannya responden tersebut pula akan merekomendasikan orang seterusnya yang harus pengkaji jadikan responden.

### **3.2 Responden atau Informan Kajian**

Dalam menjalankan kajian ini, responden kajian penyelidik adalah pakar atau tenaga pengajar yang berada di Kampung Kirangawan yang berasal daripada bangsa Rungus. Responden juga boleh terdiri daripada golongan yang berkedudukan tinggi di Kampung tersebut yang telah lama berada di kampung tersebut kerana telah mengetahui segala hal yang berlaku. Golongan orang tua-tua

juga tidak akan diabaikan oleh kerana pengalaman yang dimiliki mereka adalah lebih baik.

Walaupun bagaimanapun, penyelidik akan memilih responden sesuai dengan persampelan dan kaedah penyelidikan yang telah dipilih juga ditetapkan. Responden pertama akan dimulai dengan Puan Rusiah yang merupakan seorang tenaga pengajar dalam bidang tarian tradisional Rungus iaitu tarian Mongigol Sumundai. Beliau merupakan orang terpenting dalam adat kampung kerana beliau adalah orang yang bertanggungjawab dalam mengajar anak muda menari dan menyediakan penari bagi setiap acara yang memerlukan tarian Mongigol Sumundai ini. Beliau merupakan seorang yang berpengetahuan luas dan memiliki pengalaman yang luas dalam mengajar, mempersembahkan, menghasilkan kumpulan-kumpulan penari tradisional yang mewakili peringkat yang berbeza-beza. Seterusnya, responden kemudiannya akan dicadangkan oleh Puan Rusiah. Setelah itu, pemilihan responden akan dicadangkan oleh orang yang telah dipilih oleh Puan Rusiah.

Seterusnya, Informan atau responden kajian pengkaji adalah En. Endry Gimpau Majadap yang berumur 58 tahun dan berbangsa Rungus dari Kampung Tigaman Darat, Kota Marudu. Beliau merupakan jurulatih tarian Persatuan Momongun Rungus Sabah ( SAMORA ), ketua kumpulan penari yang pernah mewakili Malaysia untuk ke IBT Berlin 2016 di German dan juga merupakan Pengurus Kelab Budaya dibawah Persatuan SAMORA iaitu Go'os Randavi. Informan ini telah memberi banyak informasi tentang tarian Mongigol Sumundai terhadap ketiga-tiga objektif pengkaji.

Kemudian Informan ketiga adalah En. Aedry Jaskin yang berumur 24 tahun berasal dari daerah Pitas. Beliau menjawab persoalan mengenai perbezaan tarian

Mongigol Sumundai dari daerah Kudat dan Pitas yang dikemukakan oleh informan kedua.

### **3.3 Kaedah Pengumpulan**

#### **3.3.1 Kaedah Data Primer**

Data primer yang akan saya gunakan adalah kaedah pemerhatian dan kaedah temu bual. Kaedah pemerhatian akan memerlukan saya untuk turun ke kawasan lapangan dan memerhati cara etnik Rungus menarikan tarian tersebut dan melihat dengan mata sendiri. Manakala kaedah temu bual adalah dengan cara menemu bual golongan tua serta pakar dengan menanyakan soalan yang berkaitan untuk mendapatkan maklumat yang sahih.

#### **3.3.2 Kaedah Data Sekunder**

Data sekunder yang akan saya gunakan adalah kaedah kepustakaan dan kaedah rujukan internet. Kaedah kepustakaan dijalankan untuk mencari informasi awal tentang etnik Rungus dan tarian tersebut. Manakala rujukan internet iaitu 'GOOGLE SCHOLAR' bertujuan untuk mencari kajian-kajian lepas yang berkaitan yang mampu memberi sedikit pengetahuan mengenai kajian lepas. Selain itu, kajian ini juga menggunakan media sosial, Youtube dan panggilan video untuk mendapatkan informasi lebih.

### 3.3 Instrumen Kajian

Instrumen kajian adalah peralatan atau apa jua jenis bantuan yang memberi sokongan ketika pengumpulan data dilaksanakan. Penyelidik telah membuat soalan yang digunakan dalam sesi temu bual untuk mencapai objektif yang ditetapkan. Disamping itu, telefon pintar, laptop, kamera, perakam suara dan pencahayaan juga merupakan instrument tambahan yang digunakan. Boleh juga jadi seperti barang penulisan seperti buku nota, kertas rujukan dan perkakas penulisan seperti pen dan pensil.

#### 3.4.1 Kajian Kepustakaan

Kajian kepustakaan adalah kajian yang dilaksanakan dengan mencari buku-buku atau penulisan didalam perpustakaan yang berkaitan dengan tajuk untuk mencari dan mengumpul maklumat yang boleh didapati dalam bentuk penulisan sama ada buku, jurnal, ensiklopedia, kamus dan sebagainya yang mampu memberi informasi lebih sebelum melakukan kajian secara rujukan internet dan lapangan. Perpustakaan yang digunakan bagi mencari maklumat terhadap subjek adalah perpustakaan di Universiti Malaysia Kelantan. Antara tajuk yang berkaitan yang boleh dicari adalah tarian etnik Sabah, suku kaum yang terdapat di Sabah atau suku kaum Rungus, tarian Mongigol Sumundai, adat kampung dan kepercayaan suku kaum Rungus dan mana-mana tajuk berkaitan dengan Rungus dan tarian Mongigol Sumundai.

#### 3.4.2 Temu Bual

Temu bual adalah aksi untuk menyoal dan menanyakan soalan pada responden yang telah dipilih bagi mengumpul maklumat berdasarkan



pemahaman dan pengalaman yang responden lalui. Temu bual ini dilaksanakan secara dalam *video call* atau panggilan video dan telefon. Temu bual membolehkan penyelidik mendapatkan jawapan yang lebih sahih dan tepat berbanding kaedah rujukan yang lain. Temu bual membolehkan penyelidik mendapat jawapan yang diperlukan dengan cepat dan jelas secara langsung tanpa perlu membuang masa kedua-dua pihak. Sudah tentu responden juga akan lebih suka jika mendapat soalan yang berkaitan yang mampu memberi peluang kepada tarian ini untuk lebih dikenali oleh orang ramai. Temu bual dilaksanakan dengan cara penyelidik menyediakan set soalan seperti berikut ;

- a.) Temu bual mengenai asal usul tarian Mongigol Sumundai
- b.) Temu bual mengenai cara-cara menarikan dan pergerakan yang terdapat dalam tarian Mongigol Sumundai
- c.) Temu bual mengenai konsep yang digunakan dalam tarian Mongigol Sumundai

Data-data yang diperolehi akan dikumpul dan diproses menjadi sumber dan isi utama dalam penulisan projek penyelidikan ini.

### **3.4.3 Pemerhatian**

Kaedah pemerhatian adalah kaedah yang menggunakan deria manusia dan pikiran yang digunakan untuk melihat situasi secara depan mata sendiri dan memerhati isi-isi penting yang diperlukan. Pemerhatian dilakukan dengan cara penyelidik memerhati pergerakan atau gerak kerja penyediaan acara tarian dan tingkah laku penari pada waktu itu. Kaedah pemerhatian memerlukan penyelidik untuk menggunakan deria seperti

penglihatan, merasa, menyentuh dan mendengar bagi memahami keseluruhan situasi yang dihadapi. Pemerhatian akan dijalankan dengan memerhati aspek penting yang menjadi keutamaan iaitu objektif, permasalahan dan persoalan kajian. Penyelidik juga akan menulis atau mencatat segala kejadian yang berlaku ke dalam nota. Kaedah ini membolehkan penyelidik meneliti keadaan dengan jelas tanpa adanya unsur tidak semula jadi atau ia kelihatan seperti sebuah paksaan. Namun lebih kepada sukarela dan kelihatan semula jadi. Menurut Jasmi K.A ( 2012 ), terdapat dua jenis pemerhatian iaitu pemerhatian secara tidak berada dikawasan kajian dan pemerhatian secara penglibatan. Pemerhatian secara tidak berada dikawasan kajian adalah dengan pemerhatian yang dilakukan berdasarkan panggilan video dan tayangan tarian tersebut secara maya. Manakala pemerhatian secara penglibatan adalah pemerhatian yang memerlukan penyelidik untuk berkomunikasi dengan responden berkenaan subjek dan objektif kajian.

Walaupun bagaimanapun, kaedah pemerhatian kemungkinan memberi sedikit tekanan kepada penyelidik kerana perlu meneliti setiap detail dengan terperinci dalam masa yang cepat dan singkat. Bagaimanapun, banyak informasi yang boleh didapati dan penyelidik akan meneliti secara ringkas setiap detail.

#### **3.4.4 Kajian Lapangan**

Kajian lapangan memerlukan penyelidik menghadirkan diri ke kawasan kajian untuk menjalankan kajian secara realiti berhadapan dengan responden dan melihat kawasan. Menurut Asmah Hj Omar (2002;1-2),

kajian lapangan adalah kawasan dimana kajian hendak dijalankan yang akan menyediakan jawapan terhadap objektif penyelidik. Kajian lapangan adalah bertempat di Kampung Kirangawan, Kota Marudu, Sabah. Dikawasan kajian, penyelidik akan mengadakan dan melibatkan diri dalam aktiviti yang dirancang. Aktiviti yang dilaksanakan adalah seperti melihat tarian Mongigol Sumundai dan menarikannya bersama untuk memahami dengan lebih jelas, merakam dan mengambar kejadian untuk menjadi sumber rujukan dan pendokumentasian.

#### **3.4.4 Video milk Informan**

Selain menemubual informan, pengkaji juga meminta dan mengumpul video persembahan yang pernah dirakam oleh informan. Setiap informan akan memberikan video persembahan mereka untuk pengkaji rujuk dan memahami cara pergerakan dengan lebih mudah.

### **3.5 Rumusan Bab**

Bab ini keseluruhannya menjelaskan jenis kaedah kajian yang digunakan untuk mendapatkan hasil dapatan kajian untuk mencapai objektif kajian. Metodologi yang digunakan dalam kajian ini seperti yang telah dinyatakan adalah kaedah kualitatif yang menggunakan teknik temu bual, pemerhatian dan kajian lapangan. Perkara yang dibincangkan iaitu definisi, kaedah, jenis dan cara pelaksanaan metodologi kajian. Setelah menggunakan segala kaedah tersebut, penyelidik akan mula memproses maklumat.

## **BAB 4**

### **ANALISIS KAJIAN**

#### **4.0 Pengenalan**

Bahagian ini akan membincangkan tentang hasil dapatan kajian yang didapati sepanjang kajian ini berlangsung. Bagi menerangkan hasil kajian dengan jelas mengikut objektif kajian, ulasan akan diterangkan dibahagian bawah.

#### **4.1 Asal usul tarian Mongigol Sumundai**

Berdasarkan temubual yang telah dijalankan oleh pengkaji yang dilakukan secara atas talian bersama informan 2, tarian Mongigol Sumundai tercipta semasa orang Rungus yang pulang dari peperangan meraikan kemenangan mereka lalu mengadakan pesta ria atau keramaian. Orang kampung pula

mula memainkan paluan gong sambil sukaria dan menari-nari. Menurut Informan 2 berikut merupakan asal usul tarian Mongigol Sumundai :

*“Serba ringkas saya boleh kasi tau dan kalau kamu mau yang bertulis saya boleh bagi juga saya ringkaskan disini asal usul tarian mongigol sumundai satu, tarian mongigol sumundai ini tercipta semasa orang Rungus pulang mengadakan keramaian ataupun pesta, iaitu seperti setelah memenangi salah satu peperangan atau pertempuran yang menggunakan senjata tajam. Ketika itu mereka memukul gong sambil bersuka ria tidak kira lelaki perempuan menari-nari maka disitulah tercetusnya tarian mereka atau tercipta tarian mongigol sumundai...untuk menunjukkan bersuka rialah atas kemenangan..inilah cetusan dia.. ” (Informan 1, Temubual atas talian, 4 Februari 2022)*

Tarian itu dimulakan oleh seorang pahlawan yang sangat digeruni oleh masyarakat Rungus. Tarian ini bermula daripada daerah Kudat kerana ia merupakan tapak bermulanya kaum Rungus. Lalu penyebaran berlaku kearah Matunggung, Kota Marudu lalu ke Pitas dan kini terdapat juga kaum Rungus di daerah Beluran. Pergerakan tarian Mongigol Sumundai sedikit sebanyak menyerupai pergerakan burung helang dilangit. Tarian Mongigol menjelaskan kemegahan seorang pahlawan manakala pergerakan Sumundai menjelaskan kekuatan seorang pahlawan boleh melindungi para wanita. Tarian Mongigol Sumundai dipersembahkan disetiap majlis keramaian seperti Pesta Kaamatan, Pesta Magahau, Pesta Jagung dan sebagainya tidak kira majlis rasmi atau tidak rasmi.

Tarian Mongigol Sumundai juga terdapat dua kategori iaitu Mongigol biasa iaitu hanya seorang lelaki yang menarikannya dan diikuti dengan tiga sehingga tujuh orang perempuan. Kategori kedua pula dinamakan

Mongolivotung iaitu ia ditarikan oleh dua orang lelaki diiringi dengan enam sehingga sepuluh orang perempuan dan mestilah dalam nombor yang genap. Ini kerana terdapat dua orang lelaki yang menarikannya dan perempuan akan dibahagikan samarata untuk mengiringi penari lelaki. Tarian Mongigol Sumundai ini boleh ditarikan oleh setiap lapisan masyarakat tidak kira umur, kanak-kanak, golongan remaja mahupun orang tua.

Selain itu, tarian ini juga terdapat jenis pembahagian iaitu tarian Mongigol Sumundai Pitas dan Mongigol Sumundai Kudat. Tarian Mongigol Sumundai Pitas berbeza dari Kudat yang biasa kerana didaerah Pitas mereka memainkan paluan gong dalam tempo yang pantas dan ada sedikit perbezaan pada bunyi. Tarian Mongigol Sumundai Pitas yang ditarikan dengan pantas kebiasaannya ditarikan oleh golongan muda. Manakala tarian Mongigol Sumundai Kudat adalah tarian yang asli dan paluan gong juga dimainkan dalam tempo sederhana dan kebiasaannya ditarikan oleh golongan tua. Tarian Mongigol Sumundai di Kota Marudu menggunakan tarian asli seperti Kudat.

#### **4.2 Ragam pergerakan tarian Mongigol Sumundai**

Menurut Pangayan V.B (2020), terdapat enam jenis pergerakan dalam tarian Mongigol iaitu Monongdiu- kondiu, Mamari pari, Monongsasazau, Monindak balanak, Sumondili dan Momoroporoi. Manakala dalam tarian Sumundai pula terdapat enam jenis pergerakan iaitu Mamanbazangan, Manangantanga, Manadusadu, Mongitakita, Monondili dan Mongitakita.



**Gambar 4.2 : Gambar tarian Mongigol Sumundai**

( Sumber : Video rakaman Informan 2, 4 Februari 2022 )

#### **4. 2.1 Pergerakan tarian Mongigol**

Tarian Mongigol merupakan tarian yang ditarikan oleh golongan lelaki. Menurut Informan 2, dalam tarian Mongigol jenis ragam pergerakan tarian Mongigol dalam bahasa Rungus adalah Mongoniu koniu, Mamahi pahi, Manazou sazou, Monindak balanak, Monondili dan Mongimporoi.

##### **4.2.1.1 Mongoniu koniu**

Koniu dalam bahasa Rungus bermaksud Helang. Nama pergerakan iaitu mongoniu koniu kerana pergerakan tersebut meniru aksi burung helang yang ganas sedang melayang dan terbang dilangit seperti sedang mencari mangsa dan meronda kawasannya. Dalam pergerakan ini, penari akan mengangkat

kedua belah tangan kiri dan kanan pada baras bahu sebagaimana burung helang yang mengibarkan sayapnya tinggi untuk berterbangan. Manakala pada masa tersebut, kaki penari pula akan bergerak seolah-olah melompat ala kadar. Pergerakan burung helang dipilih kerana masyarakat Rungus memandangi burung helang sebagai seekor burung yang gagah diantara burung yang lain dan ia dapat menjelaskan bagaimana gagahnya seorang pahlawan pulang dari perang dengan membawa kemenangan.



**Gambar 4.2.1.1 : Gambar ragam pergerakan Mongoniukoni**

( Sumber : Video rakaman Informan 3, 4 Februari 2022 )



#### 4.2.1.2 Mamahi-pahi



**Gambar 4.2.1.2 Gambar ragam pergerakan Mamahi – pahi**

( Sumber : Video rakaman Informan 2, 4 Februari 2022 )

Mamahi pahi atau gelaran lainnya dalam bahasa campuran Sabah yang lain atau kadazan adalah Mamari pari. Mamahi pahi adalah pergerakan badan lenggang ke kiri dan ke kanan semasa menari namun destinasi tujuan adalah lurus ke arash berlawanan dari tempat asal. Pada masa itu, tangan kiri akan dihayun ke hadapan dan kanan dihayun ke belakang. Kemudiannya pergerakan itu akan diulang semula dengan tangan kiri dihayun ke belakang dan tangan kanan hayun ke depan. Pergerakan ini akan saling bertukar semasa pergerakan mengubah lenggang badan sehingga ke destinasi.

#### 4.2.1.3 Manazou sazau

Manazou sazou adalah pergerakan badan untuk merayau namun aksi lompatan adalah lebih aktif dan penari akan merayau seperti bentuk lingkaran ular dan diikuti dengan penari perempuan yang akan turut serta mengikut lingkaran ular atau bentuk pola S. Sebelum memulakan pergerakan ini dimulakan, penari akan mengangkat sebelah tangan dan membuat bunyi “ Kiihaaa”.

#### 4.2.1.4 Monindak balanak

Monindak balanak adalah pergerakan melompat dalam tarian Mongigol. Monondili merupakan perkara yang paling aktif digunakan dalam tarian Mongigol kerana pergerakan berjalan ke sesuatu tempat ketika menari adalah aksi melompat kaki.

#### 4.2.1.5 Monondili

Monondili adalah pergerakan sedang menari. Sumondili bermaksud berjalan biasa manakala monondili adalah pergerakan sedang menari.

#### 4.2.1.6 Mongimporoi atau momoroiporoi

Mongimporoi adalah dalam bahasa Rungus manakala dalam bahasa lain sabah seperti Kadazan atau Kimarangan dan selainnya adalah Momoroiporoi. Mongimporoi adalah pergerakan menari ketika berdiri statik. Penari berdiri statik disatu tempat namun begitu penari tersebut masih menari dengan

mengerakkan kaki seakan melompat namun tidak kaki meninggalkan lantai. Tangan pada masa itu menggunakan pergerakan mongoniukoniu.



**Gambar 4.2.1.6 : Gambar ragam pergerakan Mongimpoporoisambil membuat pergerakan Mongoniukoniu**

( Sumber : Youtube, 4 Februari 2022 )

#### **4.2.2 Pergerakan tarian Sumundai**

Tarian Sumundai merupakan tarian yang ditarikan oleh golongan wanita. Menurut informan 2, terdapat lima jenis pergerakan dalam tarian Sumundai seperti Mamanbazangan, Manangga tangga, Manadusadu, Mongitakita dan Monondili. Setiap pergerakan ini memiliki hubungkait setiap pergerakan dan ia ditarikan dalam satu masa.

#### 4.2.2.1 Mamanbazangan atau mamanbazangai



**Gambar 4.2.2.1 : Gambar ragam pergerakan**

#### **Mamanbazangan**

( Sumber : Video rakaman Informan 1, 4 Februari 2022 )

Mamanbazangan ini merupakan aksi pergerakan yang diambil daripada pergerakan burung layang yang sedang terbang rendah dilangit dan condong. Mamanbazangai atau mamanbazangan merupakan pergerakan tangan yang diangkat kedua bilah tangan kiri dan kanan separas dengan pinggang dan rendah dari bahu serta akan diangkat separuh sehingga ke siku berselang seli dengan tangan sebelah seperti sedang mengipakkan sayap secara lembut dan ayu. Pergerakan ini juga ditarikan dalam keadaan membuat pusingan separuh bulatan disatu tapak yang sama dan akan digerakkan kearah berlawanan setelah habis separuh pusingan.

#### 4.2.2.2 Manangga tangga



**Gambar 4.2.2.2 : Gambar menunjukkan badan dan tangan penari dicondongkan ketika membuat pergerakan Manangga tangga.**

( Sumber : Video rakaman informan 1, 4 Februari 2022 )

Manangga tangga adalah pergerakan dimana penari menarik mambazan dan ketika condong penari seolah-olah rebah namun tidak merebahkan diri dengan nyata. Pada ketika tu, dari kepala, badan dan tangan kesemuanya akan condongkan seakan rebah pada arah pusingan yang dilakukan. Pergerakan ini juga berkaitan dengan bagaimana burung layang-layang berterbangan dengan gaya condong. Pergerakan ini digunakan serentak dengan pergerakan Monondili.

#### 4.2.2.3 Manadusadu



**Gambar 4.2.2.3 : Gambar menunjukkan pergerakan wanita membuat Manadusadu sambil mengikuti lelaki**

( Sumber : Video rakaman Informan 1, 4 Februari )

Manadusadu adalah pergerakan kaki dimana penari akan bermain kakinya dengan seakan tersadung tapi merupakan tersadung yang dibuat-buat. Pergerakan ini dapat dilihat digunapakai ketika melakukan pergerakan monondili.

#### 4.2.2.4 Mongitakita

Mongitakita merupakan pergerakan kaki juga yang diguna ketika membuat manadusadu. Mongitakita akan diselitkan ketika manadusadu. Mongitakita merupakan pergerakan melompat sedikit yang dilakukan untuk mengelakkan tersadung.

#### 4.2.2.5 Monondili atau monoridili



**Gambar 4.2.2.5 : Gambar menunjukkan lapis lantai yang berbentuk mengikut arah pusingan penari wanita ketika membuat pergerakan Monondili**

( Sumber: Video rakaman Informan 1, 4 Februari 2022 )

Monondili ataupun monoridili adalah pergerakan sedang menari dan sedang mengikut lelaki yang sedang monodili ke arah pilihannya iaitu arah berlawanan. Terdapat pola lantai ketika monondili iaitu pola lantai S ataupun pergerakan seperti ular melingkar.

#### 4.3 Konsep persembahan tarian Mongigol Sumundai

Konsep persembahan tarian Mongigol Sumundai yang dimaksudkan adalah dari segi pandangan persembahan tarian dalam majlis rasmi dan majlis tidak rasmi.

### 4.3.1 Majlis rasmi

Majlis rasmi adalah seperti majlis kerajaan, Pesta Kaamatan, Pesta Jagung, Pesta Magahau dan majlis yang dilakukan dalam keadaan formal yang memiliki tatacara sesuatu upacara majlis.

#### 4.3.1.1 Penari

Bagi persembahan tarian Mongigol Sumundai ketika majlis rasmi haruslah tarian yang asli dan tidak memiliki elemen kontemporari. Oleh itu, penari yang diperlukan boleh terdiri daripada seorang lelaki dan tiga hingga tujuh orang wanita ataupun Mongolivotung iaitu dua lelaki dan enam hingga sepuluh orang wanita. Penari ini juga semestinya penari professional ataupun penari terlatih. Penari juga merupakan penari yang terlatih agar persembahan yang diberikan adalah bersifat professional sesuai untuk tatapan awam.

#### 4.3.1.2 Pemain muzik

Dalam majlis formal atau rasmi, pemain muzik paluan gong mestilah merupakan orang yang pakar ataupun lebih mahir untuk bermain dengan tepat. Peminan muzik yang bermain gong dengan betul secara langsung mampu menimbulkan perasaan yang lebih terkesan dihati kerana kehadiran paluan gong. Pemain gong lebih diutamakan berbanding penggunaan mp3 paluan gong dalam majlis rasmi adalah kerana ia merupakan elemen tradisional yang masih perlu diterapkan sehingga kini bagi



mengekalkan tradisi dan menghormati tradisi ketika melaksanakan majlis formal atau rasmi.

#### 4.3.1.3 Pakaian

Pemakaian penari semasa membuat persembahan bagi majlis juga perlu dipakai dengan lengkap. Pertama sekali, tetamu yang hadir pada majlis rasmi bukan sahaja dari kalangan kaum Rungus tetapi dari semua kalangan masyarakat dan kaum. Penggunaan pakaian tradisional yang lengkap dapat memperkenalkan masyarakat kaum Rungus kepada tetamu luar. Selain itu, pakaian tradisional yang lebih lengkap menunjukkan ia bersesuaian dengan majlis rasmi. Pakaian lengkap bagi lelaki adalah *sigal, tinggot, badu', pinakol, inavol, hokos, sandai* dan *masap*. Manakala pakaian lengkap wanita adalah *sisingal, rampai, litai/tinggot, sulau, pinakol, banat, satu, kinumai'/golinsung, orot, saring, tapi'* dan *lungkaki*.

#### 4.3.1.4 Koreografi

Bagi persembahan untuk majlis rasmi, penari perlu dilatih dahulu oleh koreografer sebelum mempersembahkan tarian tersebut. Koreografi tarian Mongigol Sumundai juga perlu menggunakan koreografi yang tradisional tanpa elemen temporeri atau kreasi untuk mengekalkan elemen tradisional. Koreografi tarian boleh juga mengikut dua jenis kategori iaitu Mongigol biasa ataupun Mongolivotung.

#### 4.3.1.5 Ruang persembahan

Ruang persembahan yang digunakan oleh penari tarian Mongigol Sumundai pada majlis rasmi kebiasaannya mengikut aturcara majlis. Jika persembahan itu diadakan didalam dewan maka persembahan tarian akan dilaksanakan diatas pentas. Namun jika terdapat aturcara yang memerlukan penari menyambut tetamu kehormat sejak tetamu tersebut turun dari kereta dan berada diluar maka persembahan akan dilakukan ditapak luar yang disediakan. Keseluruhan bagi ruang persembahan untuk tarian Mongigol Sumundai adalah agak terhad mengikut pentas.

#### 4.3.1.6 Waktu atau masa

Waktu atau masa yang dispesifikasi bagi persembahan tarian Mongigol Sumundai adalah terhad juga dan persembahan hanya dilakukan sekali sahaja. Waktu persembahan yang normal adalah tiga hingga enam minit.

### 4.3.2 Majlis tidak rasmi

Majlis tidak rasmi pula merupakan majlis kenduri, majlis kahwin dan majlis-majlis lain yang tidak mengikut tatacara atau sesuatu formaliti.

#### 4.3.2.1 Penari

Bagi majlis tidak rasmi, penari bagi persembahan tarian Mongigol Sumundai tidak perlu profesional mahupun pakar dan tidak juga mengira umur. Kebanyakannya persembahan yang

dilakukan di Kampung Kirangawan ketika majlis perkahwinan ditarikan oleh golongan orang tua. Namun begitu, orang-orang tua di Kampung Kirangawan juga masih mengalakkan anak-anak muda untuk menarikan tarian tersebut dengan cara menyuruh anak mereka sendiri untuk tampil menarikan tarian Mongigol Sumundai.

#### 4.3.2.2 Pemain muzik

Pemain muzik pada majlis tidak rasmi seperti majlis perkahwinan adalah tidak terancang dan biasanya diisi kekosongan oleh tetamu yang hadir. Pemain muzik juga tidak mengira umur asalkan orang yang bermain muzik tahu rentak paluan gong untuk dimainkan.

#### 4.3.2.3 Pakaian



**Gambar 4.3.2.3 : Gambar persembahan tarian Mongigol**

**Sumundai ketika majlis tidak rasmi dan pemakaian wanita memakai *Tapi*'.**

( Sumber : Video rakaman Informan 1, 5 Februari 2022 )

Cara pemakaian penari tarian Mongigol Sumundai ketika majlis tidak rasmi adalah bebas dan tidak memerlukan penari dari kalangan tetamu untuk memakai pakaian tradisional yang lengkap dari kepala sehingga ke hujung kaki. Namun begitu, masih terdapat beberapa helaian pakaian tradisional yang perlu dipakai ketika menarikannya iaitu lelaki memakai *sigal*, *hokos*, *inavol*, *sandai* dan *masap*. Manakala wanita perlu memakai *tapi*.

#### 4.3.2.4 Koreografi

Koreografi dalam persembahan tarian Mongigol Sumundai ketika majlis tidak rasmi hanya menggunakan kategori Mongigol yang biasa dan bukannya Mongolivotung di majlis perkahwinan kampung. Koreografi dan pola lantai juga tidak dirancang.

#### 4.3.2.5 Ruang persembahan

Ruang persembahan pada majlis tidak rasmi adalah tidak terhad. Ini kerana ketika majlis perkahwinan yang dilakukan di rumah atau kampung, saudara mara akan bergembira sambil menarikan tarian Mongigol Sumundai. Berdasarkan pengalaman saya ketika menghadiri majlis perkahwinan di Kampung Kirangawan, penari perempuan pada ketika itu mencecah lebih daripada sepuluh orang dan penari yang menari sebaris panjang dari ruang tamu sehingga ke dalam dapur.

#### 4.3.2.6 Waktu atau masa

Masa persembahan tarian juga tidak terhad. Ini kerana setelah satu persembahan selesai mereka akan menyambung lagi menari tarian Mongigol Sumundai dengan orang yang berbeza dan dari kalangan saudara mara, keluarga sebelah perempuan, keluarga sebelah lelaki, keluarga jauh, sepupu dan sanak saudara serta rakan juga tetamu lain. Bilangan persembahan juga mampu mencecah sehingga lebih dari sepuluh kali.

#### 4.4 Kesimpulan

Secara keseluruhannya, dalam bab ini menjelaskan dan menghuraikan dapatan tentang tiga objektif kajian. Objektif kajian pertama iaitu menghuraikan tentang asal usul tarian Mongigol Sumundai dan didapati tarian ini terhasil setelah pahlawan yang paling disegani masyarakat kaum Rungus pulang daripada peperangan dan menarikan tarian tersebut seiring dengan paluan gong yang dimainkan ketika mereka sedang bersuka ria sambil menari-nari. Tarian ini juga menjelaskan bahawa tarian Mongigol memiliki sedikit elemen peniruan aksi burung helang yang terbang tinggi dilangit manakala tarian Sumundai memiliki sedikit elemen peniruan aksi burung layang-layang yang terbang condong dan rendah.

Seterusnya, objektif kedua iaitu menghuraikan ragam pergerakan tarian Mongigol Sumundai dan keseluruhan hasil dapatan mendapati terdapat sebelas jenis ragam pergerakan iaitu Mongoniu koniu, Mamahi pahi, Manazou sazou, Monindak balanak, Monondili serta Mongimporoi bagi tarian Mongigol. Manakala Mamanbazangan, Manangga tangga, Manadu sadu, Mongitakita dan

Monondili bagi tarian Sumundai. Setiap pergerakan ini dapat dilihat ketika tarian itu ditarikan dan setiap pergerakan itu tidak dapat dipisahkan .

Disamping itu, menganalisis konsep persembahan tarian Mongigol Sumundai yang diambil dari aspek penari, pemain muzik, ruang persembahan, masa, pakaian dan koreografi dari segi persembahan yang diadakan ketika majlis rasmi dan majlis tidak rasmi.

## BAB 5

### CABARAN, CADANGAN DAN KESIMPULAN

#### 5.0 Pengenalan

Dalam bahagian ini, pengkaji akan membincangkan mengenai cadangan dan kesimpulan yang dapat diberikan setelah selesai melaksanakan kajian dan pemprosesan data kajian. Sepanjang kajian dilaksanakan, pengkaji dapat belajar menarikan tarian Sumundai dan mengetahui nama serta cara pergerakan itu dilakukan. Tarian Mongigol iaitu tarian lelaki tidak dapat ditarikan oleh pengkaji kerana pengkaji merupakan wanita. Namun begitu, pengkaji masih memahami dan tahu cara menarikannya berdasarkan temubual serta video rakaman tarian yang dihantar oleh responden.

## 5.1 Cabaran

Pengkaji juga berjaya melalui cabaran ketika melaksanakan kajian. Pengkaji telah pergi ke tapak kajian iaitu Kampung Kirangawan, Kota Marudu pada peringkat awal untuk merangka strategi pelaksanaan kajian dan memahami tarian Mongigol Sumundai sama ada dapat dikaji dengan baik atau tidak. Pada peringkat awal, segalanya berjalan dengan lancar. Namun begitu, cabaran muncul apabila pandemik Covid-19 melanda dan menyebabkan pengkaji tidak dapat turun pada tapak kajian seperti dirancangkan. Lalu inisiatif untuk mendapatkan data kajian dilakukan dengan cara temubual secara atas talian iaitu penggunaan aplikasi Whatsapp untuk berhubung dengan responden.

## 5.2 Cadangan

Mongigol Sumundai merupakan satu warisan tidak ketara yang telah diamalkan sejak dahulu kala yang perlu dilindungi oleh masyarakat Rungus dan juga kerajaan. Warisan ini amatlah sukar untuk dilindungi berbanding dengan warisan ketara yang dapat dilihat konkrit. Warisan budaya ini perlu diteruskan dan dipelihara agar budaya identiti kaum Rungus tidak pudar dan dilupakan mahupun lari dari elemen tradisi yang sebenar. Dengan itu, pengkaji mengemukakan beberapa cadangan yang boleh membantu meningkatkan minat dan pengetahuan masyarakat dan golongan muda terhadap tarian Mongigol Sumundai serta cadangan bagi kajian yang boleh dilakukan selanjutnya oleh pengkaji lain.

### 5.2.1 Persatuan Momogun Rungus Sabah ( SAMORA)

Persatuan Momogun Rungus merupakan persatuan kaum Rungus yang aktif di Matunggong, Kudat dan Kota Marudu. Menurut informan 2,



beliau yang merupakan jurulatih tarian Persatuan SAMORA dan Pengerusi Kelab Budaya dibawah persatuan SAMORA yang dinamakan sebagai GO'OS RANDAVI sentiasa bersama dengan kelab untuk berusaha menaikkan semula budaya Rungus dan tarian Mongigol Sumundai kepada masyarakat.

Persatuan SAMORA pernah melaksanakan beberapa langkah bagi meningkatkan taraf dan nilai budaya tarian Mongigol Sumundai. Pertama, persatuan SAMORA telah mewajibkan bahawa disetiap majlis yang dilaksanakan harus memiliki persembahan tarian Mongigol Sumundai. Ini kerana setiap majlis memiliki tetamu yang berbeza dari kalangan orang Rungus. Oleh itu, penetapan sebegini mampu memperkenalkan tarian Mongigol Sumundai kepada tetamu.

Seterusnya, persatuan ini juga menggalakkan persembahan tarian Mongigol Sumundai di peringkat yang tinggi. Sebagai contoh, persatuan SAMORA pernah membawa tarian Mongigol Sumundai mewakili Malaysia ke IBT Berlin 2016 yang mana ketua tarian merupakan informan 2. Tarian tersebut telah dibawa ke persada global dan dinegara Barat. Penglibatan persatuan SAMORA dalam program tersebut mampu membawa tarian ini untuk dikomersialkannya diperingkat antarabangsa.

Disamping itu, persatuan SAMORA juga pernah mencadangkan agar tarian Mongigol Sumundai menjadi satu subjek kursus untuk dipelajari di Universiti Malaysia Sabah ( UMS ). Cadangan tersebut telah diusulkan serta telah mendapat persetujuan namun kini rancangan tersebut masih tergantung dan perlu dirujuk semula.

### **5.2.2 Bekerjasama dengan Persatuan Momogun Rungus ( SAMORA ) untuk mengadakan kursus mempelajari tarian Mongigol Sumundai**

Sebagaimana informan 2 menjelaskan kepada pengkaji bahawa beliau pernah mengikuti kursus mempelajari tarian Mongigol Sumundai sebelum bergiat aktif mengajar tarian ini. Beliau juga sangat teruja untuk mengajar pengkaji menarikan tarian Mongigol Sumundai ini dan percaya bahawa tarian ini dapat dipelajari dan dikuasai dengan hanya dalam masa dua hari.

Pelaksanaan kursus mempelajari tarian Mongigol Sumundai mampu menarik minat penggiat seni dan pakar-pakar atau tenaga pengajar yang berkemampuan untuk turut serta dalam program ini. Ia bukan sahaja mampu mengikat hubungan baik dengan pakar tarian tetapi juga hubungan dengan orang-orang kampung diseluruh daerah Kota Marudu. Program ini mampu mengumpulkan masyarakat kaum Rungus dari pelbagai tempat dan berkongsi pengetahuan bersama.

Adanya program ini, peserta yang mengikuti bukan sahaja dapat belajar menarikan tarian tersebut tetapi juga mendapat pengiktirafan untuk mengajar tarian tersebut kepada orang lain yang tidak berkesempatan menghadiri dan orang kampung serta anak-anak muda kampung. Lebih banyak orang yang berkemampuan untuk menarikan tarian ini akan muncul.

Acara sebegini juga akan menaikkan semula semangat kaum Rungus untuk terus menarikan tarian tradisional mereka tidak kira dimajlis mana dan sentiasa merencanakan semula tarian Mongigol Sumundai agar diteruskan sehingga ke generasi akan datang.

Disamping itu, pengkaji lain dimasa hadapan juga akan berpeluang untuk menyertai kursus sebegini untuk mendapatkan hasil kajian mereka dengan lebih sistematik, teratur, berkesan dan cepat

### **5.2.3 Cadangan untuk kajian selanjutnya**

Sepanjang kajian dilaksanakan, pengkaji mendapati bahawa tidak terdapat banyak tenaga pengajar tarian yang telah menjalani kursus khas sebelum menjadi pelatih. Ini kerana pengkaji hanya menjumpai dua orang tenaga pengajar tarian Mongigol Sumundai didaerah Kota Marudu iaitu di Kampung Kirangavan serta Kampung Sampir yang memiliki pengiktirafan dan menjalani kursus. Namun begitu masih terdapat orang-orang tua tempatan yang mampu mengajar tarian Mongigol Sumundai tetapi tidak memiliki semangat yang sama sebagaimana tenaga pengajar yang telah mengikuti kursus mengajar tarian tersebut. Oleh sebab itu, masyarakat tempatan seharusnya menggunakan pengajar yang berkemampuan untuk mendidik golongan kanak-kanak, remaja, ibu-ibu dan bapa serta golongan tua.. Walaupun golongan tua mampu menarikan tarian tersebut namun terdapat banyak pengetahuan baru yang masih dapat dikongsi dan dipelajari bersama disamping mengeratkan hubungan sesama. Pengkaji juga boleh mendekati tenaga pengajar yang terdapat untuk mendapatkan informasi yang lebih dan tepat.

Selain itu, pengkaji juga perlu menyediakan langkah lain pada tahap awal sekiranya terjadi sesuatu perubahan yang mampu menggugat perancangan awal pengkaji. Perkara yang tidak diingini mampu berlaku dimana-mana dan bila-bila masa. Pengkaji perlu merancang siapa yang

akan menjadi informan atau responden kajian untuk mendapatkan maklumat dan perancangan jika terdapat perubahan yang bakal dihadapi.

Seterusnya, pengkaji juga perlu memahami dengan lebih terperinci tentang kajian yang dilakukan sebelum memulakan kajian supaya dapat mengenalpasti persoalan yang mampu difikirkan selain daripada persoalan kajian yang telah dirancang pada peringkat awal. Pengkaji juga boleh menyediakan senarai perkataan bahasa tertentu yang tidak difahami dan maksud perkataan tersebut supaya sentiasa bersedia untuk menanyakan soalan dan tidak ketinggalan mana-mana persoalan.

Disamping itu, pengkaji telah melaksanakan objektif kajian tentang asal usul tarian, ragam pergerakan tarian serta konsep persembahan tarian Mongigol Sumundai. Oleh itu, pengkaji lain boleh melaksanakan kajian tentang objektif lain seperti pakaian tradisional tarian Mongigol Sumundai, alat muzik yang digunakan dalam tarian Mongigol Sumundai mahupun rentak muzik tarian Mongigol Sumundai.

### **5.3 Kesimpulan**

Secara keseluruhannya, bab ini menjelaskan tentang cadangan yang boleh diambil bagi meningkatkan semula minat masyarakat terhadap tarian Mongigol Sumundai. Tarian Mongigol Sumundai masih perlu dilaksanakan kerana ia merupakan satu adat tempatan masyarakat Rungus yang menunjukkan identiti kaum Rungus. Persatuan SAMORA yang merupakan persatuan kaum Rungus yang aktif sungguh bersemangat untuk membantu meningkatkan semula nilai dan imej kaum Rungus dan bantuannya sangatlah jelas. Selain daripada persatuan kaum Rungus, kerajaan dan badan

kebudayaan mahupun pelancongan serta badan NGO perlulah bersama-sama dalam menaikkan semula tarian Mongigol Sumundai sehingga ke persada global.

Sesungguhnya, tarian Mongigol Sumundai bukannya semakin pupus tetapi ia semakin kurang diminati oleh golongan muda dan kemahiran menarikan tarian ini akan menjadi pudar jika tidak diteruskan.

Kajian yang dijalankan ini sedikit sebanyak mampu memberi pengenalan dan informasi lebih kepada masyarakat tentang asal usul tarian Mongigol Sumundai, jenis ragam pergerakan yang terdapat dalam tarian ini serta konsep persembahan tarian Mongigol Sumundai .

## BIBLIOGRAFI

1. Pangayan, V. B. (2020). TARIAN MONGIGOL-SUMUNDAI MOMOGUN RUNGUS DI SABAH: ANALISIS KONSEP PERSEMBAHAN DAN RAGAM GERAK: MONGOGOL-SUMUNDAI MOMOGUN RUNGUS DANCE IN SABAH: CONCEPT ANALYSIS OF PERFORMANCE AND MOTION MOVEMENT. *Jurnal Gendang Alam (GA)*. Diambil daripada <https://jurcon.ums.edu.my/ojums/index.php/GA/article/view/2840>
2. Sri Ningsih Sukirman. (2020). ASAL USUL TARIAN TRADISIONAL PELBAGAI BUDAYA DI LUAR DAN DI SABAH: THE VARIOUS TRADITIONAL ORIGINS OF CULTURAL DANCE OUTSIDE AND IN SABAH. *Jurnal Gendang Alam (GA)*. Diambil daripada <https://jurcon.ums.edu.my/ojums/index.php/GA/article/view/2843>
3. Pugh-Kitingan J. (2014). BALANCING THE HUMAN AND SPIRITUAL WORLDS : RITUAL, MUSIC AND DANCE AMONG DUSUNIC SOCIETIES IN SABAH. *Yearbook for Traditional music*, 46, 170-190. doi:10.5921/yeartradmusi.46.2014.0170
4. Jasmi, Kamarul Azmi. (2012). Metodologi Pengumpulan Data dalam Penyelidikan Kualitatif. 1-15.
5. Appell, G. N. (1972). Rungus Dusun. In F. M. Leber (Ed.). *Ethnic Groups of Insular Southeast Asia*. Human Relations Area Press

6. Porodong, P. (2012). Rungus. Dlm. K. Mariappan & P. Porodong (Eds.). Murut dan pelbagai etnik kecil lain di Sabah (pp. 110–128). Kuala Lumpur: Institut Terjemahan & Buku Malaysia.
7. Snoeyenbos, M., & Knapp, C. (1979). Dance Theory and Dance Education. *Journal of Aesthetic Education*, 13(3), 17-30. doi:10.2307/3331991
8. Ong, Puay Liu, 1994. Research note : Glimpse in Passing of Life in a Rungus Long House. *Sumber 8* , 153-161

## LAMPIRAN A

### SOALAN TEMUBUAL

#### A. LATAR BELAKANG INFORMAN / RESPONDEN

1. Boleh perkenalkan diri nama, umur, kaum dan sejarah penglibatan informan dalam tarian Mongigol Sumundai ?

#### B. ASAL USUL TARIAN

1. Apakah asal usul tarian Mongigol Sumundai atau bagaimana tarian ini tercipta?
2. Siapa yang memulakan tarian Mongigol Sumundai?
3. Tarian ini dimulakan didaerah mana?
4. Mengikut tradisi dahulu berapa ramai orang yang menarikan tarian ini dalam satu persembahan ?
5. Siapa yang menarikannya ?
6. Bilakah tarian ini ditarikan ?
7. Pergerakan tarian Mongigol Sumundai ni ada peniruan aksi haiwan, simbol atau membawa maksud tertentu ?

#### C. JENIS PERGERAKAN

##### **Mongigol**

1. Setakat yang saya tahu untuk pergerakan tarian mongigol ada Monongdiu-kondui, Mamari-pari, Monongsasazau, Monindak-balanak, Sumondili dan Momopoproi. Selain 6 pergerakan, apa pergerakan lain yang terdapat dalam Mongigol ?
2. Macam mana cara pergerakan ?



- I. Monongdiu kondiu
  - II. Mamari- pari
  - III. Monongsasazau
  - IV. Monindak balanak
  - V. Sumondili
  - VI. momopoporoi
3. Pergerakan tersebut ada membawa maksud atau penjelasan ?

### **Sumundai**

1. Kalau pergerakan Sumundai setakat yang saya tahu ada Mamanbazangan, Manangantanga, Manadusadu, Mongitakita dan Monondili. Selain 5 pergerakan itu, ada pergerakan yang lain ?
2. Macam mana cara pergerakan ;
  - I. Mamanbazangan
  - II. Manangantanga
  - III. Manadusadu
  - IV. Mongitakita
  - V. Monondili
3. Adakah pergerakan tersebut memiliki maksud atau sesuatu penjelasan ?

### **D. KONSEP TARIAN**


1. Apakah perbezaan antara tarian Mongigol Sumundai di majlis rasmi dan majlis tidak rasmi dari segi :
  - I. Ruang persembahan
  - II. Penari
  - III. Muzik

IV. Koreografi


V. Waktu / masa



UNIVERSITI



MALAYSIA



KELANTAN